



SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BIL. 4 TAHUN 2009

Kepada

Semua Ketua Jabatan Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor

PERINGATAN KEPADA PEMATUHAN PENGGUNAAN PESANAN TEMPATAN
DALAM URUSAN PEROLEHAN KERAJAAN

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memberi peringatan kepada Pegawai Pengawal bagi agensi-agensi Kerajaan Negeri Selangor berkenaan pematuhan prosedur penggunaan Pesanan Tempatan (PT) dalam urusan perolehan Kerajaan Negeri.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pesanan Tempatan merupakan suatu kontrak di antara Kerajaan dan pembekal bagi suatu nilai perolehan yang tidak melebihi RM 50,000 yang menerangkan tentang maklumat penuh perolehan yang akan dilaksanakan seperti harga seunit yang dipersetujui, kuantiti yang dikehendaki, tarikh, masa serta tempat serahan dan lain-lain yang berkenaan bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin/terpelihara (Arahan Perbendaharaan, Perkara 176.1).
- 2.2 Kebelakangan ini, terdapat banyak permohonan daripada agensi-agensi Kerajaan Negeri bagi kelulusan pembayaran tanpa menggunakan Pesanan Tempatan bagi perolehan yang telah dilaksanakan.
- 2.3 Permohonan kelulusan pembayaran tanpa Pesanan Tempatan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri telah menyebabkan perkara-perkara berikut:
- a) Kesukaran untuk mengesahkan penerimaan perbekalan/perkhidmatan yang diberi adalah mengikut spesifikasi dan kualiti pesanan;

- b) Kesukaran untuk menentukan perolehan tersebut adalah memberi nilai faedah terbaik;
- c) Menjejaskan kecekapan pengurusan kewangan kerana liabiliti yang perlu dibayar apabila invois/tuntutan diterima tidak dicatatkan tanggungannya di dalam buku vot perbelanjaan/Amanah di mana ia mendedahkan kepada perbelanjaan melebihi peruntukan; dan
- d) Menjejaskan imej kerajaan di dalam penyampaian Sistem Penyampaian Kerajaan (*Public Delivery System*) kerana pembayaran bil yang lewat akibat ketiadaan Pesanan Tempatan.

3. PEMATUHAN PROSEDUR PEROLEHAN OLEH PEGAWAI PENGAWAL

- 3.1 Pegawai Pengawal diperingatkan agar memenuhi amalan tadbir urus baik (*good governance practices*) dengan mematuhi prinsip perolehan Kerajaan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai faedah terbaik, saingan terbuka dan saksama.

- 3.2 Sehubungan dengan itu, Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi prosedur perolehan Kerajaan dengan mengeluarkan Pesanan Tempatan dalam pelaksanaan perolehan yang mempunyai nilai di bawah RM 50,000.
- 3.3 Sebarang pelanggaran arahan di atas, pegawai yang terlibat atau Pegawai Pengawal yang berkenaan hendaklah dipertanggungjawabkan yang terlibat selaras dengan Perkara 59, Arahan Perbendaharaan dan boleh mendedahkan Pegawai berkaitan dikenakan surcaj mengikut Seksyen 18, Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61).

4. PENGECUALIAN


- 4.1 Mana-mana pengecualian yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Perbendaharaan Negeri Selangor.
- 4.2 Hanya perolehan-perolehan yang bersifat **darurat** sahaja sebagaimana yang ditafsirkan melalui Arahan Perbendaharaan Perkara 173.2, iaitu kelewatan perolehan yang akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam yang akan dipertimbangkan bagi pengecualian SPP ini.

5. KUAT KUASA

5.1 SPP ini berkuatkuasa ke dalam perolehan mulai **1 Julai 2009** dan hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan dan SPP Perbendaharaan Negeri Selangor yang berkaitan.

Sekian, terima kasih

Yang Benar

A handwritten signature in black ink, consisting of a stylized 'M' and 'A' combined, with a horizontal line extending to the right.

(**DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN**)

Pegawai Kewangan Negeri

Selangor Darul Ehsan

10 Jun 2009

ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP)

Pembayaran Bagi Barang-barang Dan Perkhidmatan Yang Dibekal Dengan Suci Hati Tidak Boleh Ditahan

59. (i) Walau apa pun peruntukan mana-mana Arahan Perbendaharaan yang lain, pembayaran sesuatu bil yang dikemukakan dengan sempurnanya oleh seseorang bagi barang atau perkhidmatan yang dipesan dan dibekalkan dengan suci hati kepada kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab apa-apa keraguan sama ada pertanggungan itu telah dilakukan dengan sepatutnya oleh pegawai kerajaan yang bertanggungjawab.
- (ii) Jika Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri berpuas hati bahawa suatu tanggungan kontrak telah dilakukan, tetapi berpendapat bahawa seseorang pegawai mungkin telah bersalah pada melakukannya, bil itu hendaklah dibayar dengan segera dan dipertanggungkan pada mula-mulanya kepada Akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) atas nama pegawai berkenaan, atau jika nama pegawai yang berkenaan itu tidak dapat ditentukan dengan serta merta, atas nama jawatan Pegawai pengawal yang berkenaan sementara menantikan keputusan penyelesaian perkara tersebut.

- (iii) Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan satu laporan bertulis bagi menghuraikan sebab-sebab yang mendorongnya menyimpang daripada cara biasa dan mengemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri tidak lewat daripada 60 hari daripada tarikh pendahuluan diri diluluskan. Pelarasan pendahuluan diri hendaklah dilakukan dengan segera tetapi tidak lewat daripada 60 hari setelah mendapat kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri

Perolehan Darurat

- 173.2 Pengecualian Arahan Perbendaharaan 170, 171, 172, 180, 181, dan 190 adalah dibenarkan dalam hal darurat, Perolehan darurat bermaksud perolehan yang perlu dibuat segera atau serta merta di mana kelewatan perolehan akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam. Dalam hal demikian perolehan hendaklah dihadkan kepada kuantiti bekalan yang mencukupi dan skop perkhidmatan seta skop kerja setakat untuk menampung keperluan darurat yang berkenaan. Laporan perlunya perolehan darurat itu dibuat hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh perolehan untuk dihantar kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri untuk tujuan penyiasan dan audit.

AKTA PROSEDUR KEWANGAN 1957

Surcaj

Jika didapati oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan tertentu, selepas berunding dengan pihak berkuasa kewangan, bahawa mana-mana orang yang sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan sebuah Negeri –

- (a) Telah gagal memungut apa-apa wang yang terhutang kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri yang mana ia sedang atau telah bertanggungjawab;
- (b) Sedang atau telah bertanggungjawab tentang apa-apa bayaran tidak sepatutnya wang awam Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau tentang apa-apa bayaran wang awam yang tidak disahkan dengan sempurna;
- (c) Sedang atau telah bertanggungjawab tentang apa-apa kekurangan dalam, atau tentang kebinasaan, apa-apa wang awam, setem-setem, sekuriti-sekuriti, stor-stor, atau lain-lain harta Kerajaan persekutuan atau Kerajaan Negeri;
- (d) Sedang atau setelah menjadi seorang pegawai perakaunan, gagal atau telah gagal untuk menyimpan akaun-akaun atau rekod-rekod yang sempurna; atau

(e) Telah gagal untuk membuat apa-apa bayaran, atau sedang atau bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran wang awam Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri kepada mana-mana orang kepadanya bayaran tersebut kena dibayar di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang telah dibuat di antara orang itu dan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Dan jika suatu penjelasan yang memuaskan tidak diberi, dalam tempoh yang ditentukan oleh Suruhanjaya, kepada Suruhanjaya tentang kegagalan untuk memungut, pembayaran yang tidak sepatutnya, pembayaran yang tidak disahkan, kekurangan atau kebinasaan, atau gagal untuk menyimpan akaun-akaun atau rekod-rekod yang sempurna, atau gagal untuk membuat pembayaran, atau lewat dalam membuat pembayaran, maka Suruhanjaya akan membuat surcaj terhadap orang tersebut suatu jumlah tidak melebihi amaun mana-mana amaun yang tidak dipungut, pembayaran tertentu, kekurangan, atau kehilangan atau nilai harta yang dibinasakan, mengikut mana yang berkenaan; dan tentang kegagalan untuk menyimpan akaun-akaun atau rekod-rekod yang sempurna, atau kegagalan untuk membuat pembayaran, maka Suruhanjaya akan membuat surcaj terhadap orang tersebut jumlah tertentu sebagaimana pihak Suruhanjaya fikirkan patut.